

28/11/1997

Shahidan ketua rapat sokong Mahathir

KANGAR, Khamis - Ribuan rakyat Perlis menyatakan sokongan terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perhimpunan khas di Padang Majlis Perbandaran Kangar, di sini, petang ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, mengetuai Perhimpunan Rakyat Perlis anjuran Pengerakan Pemuda Barisan Nasional negeri, yang menerima sokongan pertubuhan sukarela, kakitangan kerajaan, swasta dan penduduk.

Perhimpunan bermula jam 4.45 petang itu dimulakan dengan bacaan sajak bertajuk 'Perjuangan Yang Belum Selesai' karya Perdana Menteri, disampaikan johan pertandingan sajak peringkat negeri, Haslinda Ahmad.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Syed Hamid Albar dan Datuk Ibrahim Ali, memberi ucapan dalam perhimpunan yang diadakan berikutan gesaan 34 anggota kongres Amerika Syarikat supaya Dr Mahathir meletak jawatan atau memohon maaf kerana bersikap perkauman.

Shahidan mendahului rakyat Perlis menandatangani buku khas menyatakan sokongan terhadap Dr Mahathir dan buku itu akan diletakkan di pusat khidmat wakil rakyat dan pusat beli-belah untuk ditandatangani orang ramai.

(END)